

20 JAN 1999

Abdullah-Ekonomi

RAKYAT PERLU BEKERJASAMA JAYAKAN RANCANGAN PEMULIHAN EKONOMI KERAJAAN

KEPALA BATAS, 20 Jan (Bernama) -- Rakyat perlu memainkan peranan mereka untuk menjayakan pelan atau rancangan pemulihan ekonomi negara yang disusun oleh kerajaan agar usaha itu membuahkan hasil positif, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, pelbagai usaha dijalankan oleh kerajaan dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memulihkan kegawatan ekonomi tetapi kejayaannya bergantung kepada sokongan dan kerjasama rakyat.

Kerajaan berharap rakyat akan memberikan sokongan yang berterusan kepada usahanya kerana pemulihan ekonomi bergantung kepada kerjasama mereka, katanya.

"Kerajaan hanya merancang, mengeluarkan arahan dan membuat dasar-dasar tertentu tetapi rakyatlah yang akan terlibat secara langsung melaksanakan banyak aspek pemulihan ekonomi ini," katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Hari Raya di kediaman ibunya, di sini.

Beliau berkata, berikutan usaha bersungguh-sungguh itu, hari ini terdapat tanda-tanda positif yang menunjukkan bahawa keadaan ekonomi negara sedang menuju ke arah pemulihan dan sekiranya trend ini dapat diteruskan, beliau yakin kegiatan-kegiatan ekonomi dapat bergerak lancar.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, antara tanda yang menunjukkan keadaan ekonomi beransur pulih ialah kedudukan rizab negara telah meningkat daripada US\$20 billion kepada US\$26.2 billion iaitu peningkatan sebanyak US\$6.2 billion.

Katanya, hasil kempen pemilikan rumah yang dilancarkan baru-baru ini juga membantu para pemaaju menjual rumah-rumah bernilai RM3.8 billion dan secara tidak langsung membantu pihak kontraktor mendapatkan bayaran mereka daripada pemaaju yang selama ini tertanggung akibat kegawatan ekonomi.

Peningkatan jualan ini juga mengurangkan kadar "Pinjaman tidak berbayar" dan pihak bank dinasihatkan supaya mengeluarkan pinjaman kepada pemaaju dan pengusaha bagi mengaktifkan kembali seluruh sektor ekonomi negara.

Beliau juga berkata, suasana Hari Raya tahun ini disambut meriah oleh rakyat negara ini seolah-olah tiada kegawatan ekonomi.

"Rakyat amat gembira menyambut hari raya ini dan kegembiraan itu bukan sahaja dirasakan umat Islam malahan mereka yang bukan beragama Islam turut memeriahkannya dalam suasana muhibbah. Semua ini dapat dinikmati apabila rakyat yakin dengan keamanan dan kestabilan ekonomi negara," katanya.

Lebih 20,000 orang mengunjungi rumah terbuka Abdullah, termasuk Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir dan isteri, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohamed Shariff Omar dan pemimpin-pemimpin negeri serta parti-parti komponen Barisan Nasional.

Orang ramai berpusu-pusu untuk bersalaman dengan Abdullah, yang juga Anggota Parlimen Kepada Batas, sehingga ada yang terpaksa menunggu giliran untuk berbuat demikian sama ada semasa tiba ataupun hendak pulang.

Pelbagai juadah disediakan antaranya sate, laksa, mee rebus, koay teow goreng, ais kacang, cendol dan minuman berkarbonat.

BERNAMA

ZU AR